

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HSK 202 – Teori dan Kaedah Sejarah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Pilih dan jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Herodotus dianggap sebagai “Bapak Sejarah”. Bincangkan peranan beliau dalam penulisan sejarah Yunani klasik dan bandingkan pendekatannya dengan pendekatannya Thucydides.

[25 markah]

2. “Kajian sejarah adalah untuk memahami sifat manusia yang tetap dan berulangan”. Bagaimanakah pandangan Thucydides ini dipengaruhi oleh perkembangan politik dan masyarakat Yunani pada zamannya?

[25 markah]

3. “Sejarah adalah dianggap sebagai pengajaran moral”. Bincangkan konsep pensejarahan Cina klasik dan pengaruh pengajaran Konfu-tse dan bagaimanakah kedua-dua komponen itu dicerminkan dalam karya Ssu-ma Chien.

[25 markah]

4. "Sejarah adalah dianggap pengajaran masyarakat". Dengan memberikan contoh-contoh yang relevan, sejauh manakah karya-karya Ssu-ma Chien dan Ibn Khaldun dapat menggambarkan keadaan masyarakat mereka?

[25 markah]

5. Leopold von Ranke muncul dari "Zaman Kesedaran" (Aufklaerung) di negara Jerman. Bincangkan motif-motif aliran pemikiran ini dan nilaiakan perkembangan historisme (Historismus) yang diwakili oleh von Ranke.

[25 markah]

6. "Teori Karl Marx berjaya menghasilkan proses pemodenan sejarah" (Hobsbawm). Menurut pandangan anda, adakah teori konflik kelas itu masih boleh membantu kita dalam penguraian masalah-masalah social pada masa kini? Bincangkan.

[25 markah]

7. Persoalan penakrifan objektiviti merupakan masalah utama dalam penulisan sejarah. Bagaimanakah objektiviti dalam sejarah boleh dicapai?

[25 markah]